

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MALAYSIA HAPPINESS SURVEY (MHS)

2024

PANDUAN PENEMURAMAH

BAHAGIAN PERANGKAAN TENAGA MANUSIA & SOSIAL
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PANDUAN PENEMURAMAH

Malaysia Happiness Survey (MHS)

2024

Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial
Jabatan Perangkaan Malaysia

ISI KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAB 1 PENDAHULUAN 3

BAB 2 PANDUAN MENGISI BUTIR-BUTIR PENGENALAN ISI RUMAH ...5

BAB 3 SEKSYEN A: BUTIR-BUTIR AHLI ISI RUMAH (HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN KE ATAS) 15

BAB 4 SEKSYEN B: KOMPONEN KEBAHAGIAAN 57

BAB 1
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia telah dilaksanakan buat pertama kalinya oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2021. Objektif survei adalah untuk mengukur tahap kebahagiaan rakyat di Malaysia dari aspek fizikal, sosial, emosi dan spiritual. Bermula 2021, survei ini akan dilaksanakan dua (2) kali dalam tempoh lima (5) tahun.

Survei ini dibangunkan berdasarkan manual antarabangsa antaranya *World Happiness Report (WHR), Human Development Index (HDI), OECD Guidelines on Measuring Subjective Well-being, Gross National Happiness (Bhutan GNH)* dan *Happy Planet Index*. Selain itu, kajian dalam dan luar juga digunakan sebagai rujukan untuk survei ini.

1.2 Liputan

Survei Kebahagiaan Rakyat Malaysia dikumpul daripada responden yang berumur **15 tahun dan ke atas** sahaja. Populasi survei meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia. Survei ini hanya meliputi penduduk yang tinggal di **tempat kediaman (TK) persendirian** di mana mereka adalah ahli biasa yang mendiami tempat kediaman tersebut.

Tidak termasuk dalam survei adalah mereka yang tinggal di TK institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi. Maklumat bagi survei ini dikumpul daripada responden yang berumur 15 tahun dan ke atas sahaja.

1.3 Tempoh Rujukan

MHS menggunakan pendekatan "**taraf semasa**", di mana satu tempoh masa tertentu telah digunakan bagi menentukan taraf aktiviti seseorang. Pungutan data survei ini dijalankan ke atas isi rumah di tempat kediaman (**TK**) terpilih pada hari survei iaitu pada Oktober sehingga Disember 2024.

Tempoh rujukan adalah dalam tempoh waktu semasa (bergantung kepada soalan). Tempoh penyelesaian yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

Tempoh survei dan rujukan bagi *Malaysia Happiness Survey*	
Tempoh Rujukan	**Tempoh Survei**
Tempoh waktu semasa (bergantung kepada soalan)	Hari survei (Oktober – Disember 2024)

Temu ramah juga dijalankan di semua kawasan di setiap negeri kecuali jika tempat kediaman terpilih terletak di kawasan yang sukar untuk dihubungi dan tidak kos efektif setelah disahkan oleh pengurusan DOSM Negeri dan diluluskan oleh Bahagian Metodologi & Penyelidikan di Ibu Pejabat DOSM.

1.4 Kerahsiaan

Sebilangan responden terpilih berkemungkinan menolak untuk menjawab soal selidik dan enggan menjawab soalan yang diajukan kerana terdapat soalan-soalan yang agak sensitif dikhuatiri boleh menimbulkan perasaan kurang selesa dalam kalangan responden. Justeru, sebagai seorang penemuramah, anda diharapkan dapat menjelaskan kepada responden bahawa:

a) Maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan. Tiada maklumat mengenai mana-mana individu akan didedahkan, bahkan kepada sektor awam lain.
b) Maklumat yang dikumpulkan akan digunakan semata-mata dalam penyediaan jadual yang menunjukkan jumlah kumpulan, bukan maklumat individu.

BAB 2

PANDUAN MENGISI BUTIR-BUTIR PENGENALAN ISI RUMAH

2.1 Pendahuluan

Survei ini terbahagi kepada empat bahagian dan mengandungi perkara berikut:

a) Butir-butir pengenalan (2-9) dilengkapkan di pejabat **sebelum** kerja luar dijalankan;
b) **Maklumat operasi kerja luar mengenai temu ramah isi rumah (Butiran 10-17)** diisi **semasa** temu ramah dijalankan;
c) **Butir-butir "UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA"**: **Bahagian ini dan Butiran 18** adalah untuk kegunaan pejabat dan akan dilengkapkan dengan butiran kerja luar dan butiran lain yang berkenaan oleh unit pengekodan **setelah kerja luar selesai** dijalankan.

2.2 Tempat Kediaman (TK)

TK ialah struktur yang **bebas** dan **terasing,** digunakan untuk tempat kediaman tetap atau sementara.

2.3 Isi Rumah (IR)

IR terdiri daripada orang yang bersaudara dan/ atau tidak bersaudara yang **biasa tinggal bersama** dan **membuat peruntukan secara bersama** untuk makanan dan keperluan hidup lain.

Ciri-ciri IR seperti berikut:

a) Kumpulan ini berkongsi peruntukan untuk makanan dan keperluan lain daripada sumber kewangan yang disatukan bagi membuat penyediaan yang sama dan biasanya hidup bersama;
b) Sesebuah IR boleh terdiri daripada beberapa ahli atau mungkin seorang ahli sahaja;
c) Orang-orang di dalam sesebuah TK mungkin mempunyai pertalian kekeluargaan atau tidak bersaudara atau gabungan kedua-duanya sekali; dan

d) Biasanya satu IR mendiami sebuah TK. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat lebih daripada satu IR menduduki sesebuah TK.

2.4 Nombor Unit Bangunan

Catatkan nombor unit bangunan di dalam kotak yang disediakan.

2.5 Jumlah Isi Rumah

Merujuk kepada bilangan isi rumah yang terdapat di dalam setiap tempat kediaman.

Contoh: Sekiranya terdapat 2 Isi Rumah dalam sesebuah TK dan IR tersebut merupakan IR pertama, maka catatkan 01/ 02.

BUTIR-BUTIR PENGENALAN

2.6 Butiran 1 – No. Kelompok (NO KEL.)

Nombor Kelompok digunakan bagi tujuan prosesan.

2.7 Butiran 2 – Bulan (B)

Masukkan angka mengikut bulan survei dijalankan.

2.8 Butiran 3 – Negeri (NG)

Catatkan kod Negeri dua (2) digit pada kotak yang disediakan.

2.9 Butiran 4 – Daerah Pentadbiran (DP)

Catatkan kod Daerah Pentadbiran dua (2) digit pada kotak yang disediakan.

2.10 Butiran 5 – Daerah Banci (DB)

Catatkan kod Daerah Banci tiga (3) digit pada kotak yang disediakan.

2.11 Butiran 6 – Nombor B.P. (BP)

Catatkan Nombor Blok Penghitungan (3) digit pada 3 kotak pertama yang disediakan.

Tiga kotak berikutnya untuk pecahan blok. Jika tiada pecahan blok, biarkan kosong.

Contoh: No. B.P. 101B dicatatkan sebagai

1	0	1

0	0	B

2.12 Butiran 7 – Strata (ST)

Strata merujuk kepada sama ada sesuatu tempat kediaman itu terletak di dalam kawasan metropolitan, bandar besar, bandar kecil atau luar bandar. Maklumat strata akan diberi kepada anda sebelum menjalankan temu ramah.

Catatkan kod strata yang diberikan sama ada 1, 2, 3 atau 4 bagi Semenanjung Malaysia, atau 1, 2, 3, 4, 5, 6 bagi Sabah, W.P. Labuan dan Sarawak.

2.13 Butiran 8 – No. T.K. (NO TK)

Catatkan nombor Tempat Kediaman tiga (3) digit pada kotak disediakan.

2.14 Butiran 9 – No. Isi Rumah (NO IR)

Nombor ini merujuk kepada nombor siri isi rumah dalam TK yang terpilih. Pada kebiasaannya, satu TK mengandungi hanya satu isi rumah.

Walau bagaimanapun, kadangkala anda akan menemui lebih daripada satu isi rumah dalam satu TK terpilih. Dalam hal ini, anda hendaklah menemu ramah isi rumah tersebut **secara berasingan** dan catatkan setiap isi rumah tersebut mulai dengan 01, 02 dan seterusnya.

2.15 Butiran 10 – Bandar atau Mukim

Catatkan nama bandar bagi tempat kediaman yang ditemu ramah. Bagi kawasan luar bandar pula, catatkan nama mukim tempat kediaman berkenaan.

2.16 Butiran 11 – Nama Responden

Butiran ini adalah merujuk kepada nama orang yang akan anda temu ramah. Cuba seberapa yang boleh untuk menemu ramah Ketua Isi Rumah atau isteri atau suami atau orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah tersebut.

Jika orang yang bertanggungjawab dalam Isi Rumah berkenaan tidak dapat ditemui walaupun setelah beberapa kali mencuba, anda hendaklah cuba seboleh-bolehnya mendapatkan maklumat daripada anak-anak responden, pembantu rumah (jika ada) atau jiran tetangga. Walau bagaimanapun, catatan **hendaklah dibuat di ruangan "Ulasan Penemuramah" yang menyatakan butir-butir tersebut hanya anggaran (proksi).** Ruangan ulasan penemuramah berada di muka surat terakhir borang soal selidik.

2.17 Butiran 12 – Kumpulan Etnik Responden

Kemukakan pertanyaan kepada responden mengenai kumpulan etnik. Catatkan jawapan pada ruangan yang disediakan untuk butiran ini. **Jangan membuat sebarang andaian.**

2.18 Butiran 13 – Alamat Tempat Kediaman

Alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat tempat kediaman yang ditemu ramah.

Di kawasan bandar, alamat tempat kediaman adalah merujuk kepada alamat surat-menyurat. Bagi kawasan luar bandar, alamat surat-menyurat biasanya menggunakan alamat rumah penghulu atau kedai di kampung tersebut. Dengan demikian, bagi kawasan luar bandar 'Alamat Tempat Kediaman' hendaklah merujuk kepada tempat kediaman tersebut.

Anda hendaklah menulis alamat penuh termasuk nama penuh jalan atau sesuatu lokaliti. **Jangan menggunakan huruf-huruf singkatan untuk alamat** kecuali singkatan yang biasa digunakan seperti Tmn. (Taman), Kg. (Kampung), Sg. (Sungai), Bkt. (Bukit), Bt. (Batu), JIn. (Jalan), Lrg. (Lorong) dan lain-lain.

Bagi alamat unit sampel yang telah disalin daripada rekod penyenaraian, buat pindaan pada Butiran 13 jika alamat tersebut tidak lengkap. Jika terdapat sebarang perubahan pada alamat yang diberi, anda hendaklah menulis alamat baru dan nyatakan pada ruangan 'Ulasan Penemuramah'. Pastikan no. telefon responden juga diperoleh untuk tujuan semakan dan pengesahan data yang dipungut.

2.19 Butiran 14 – Nombor Telefon

Nombor telefon merujuk kepada nombor telefon individu yang telah ditemu ramah sama ada nombor telefon rumah/ bimbit/ pejabat. Keutamaan diberikan kepada nombor telefon KIR atau orang yang bertanggungjawab dalam IR berkenaan.

2.20 Butiran 15 – E-mel

Alamat e-mel adalah merujuk kepada alamat e-mel Ketua Isi Rumah. Jika tiada, dapatkan alamat e-mel Ahli Isi Rumah yang lain.

2.21 Butiran 16 – Tarikh dan Masa Temu Ramah

Catatkan tarikh lengkap (hari, bulan dan tahun) temu ramah dijalankan pada ruangan yang disediakan mengikut bilangan lawatan yang dilakukan.

Ruangan telah disediakan bagi merekodkan dua lawatan bagi satu Isi Rumah dalam tempoh survei selagi unit TK berada dalam sampel. Jika temu ramah telah dibuat, catatkan masa temu ramah dimulakan dan temu ramah ditamatkan.

Satu perjalanan mestilah dikira sebagai satu lawatan sekiranya anda singgah di sebuah rumah dengan niat menemu ramah Isi Rumah dan *contact* telah dibuat atau meninggalkan surat temu janji.

Jika anda tidak dapat menghabiskan sesuatu temu ramah itu dalam masa dua kali lawatan dan jika temu ramah boleh disiapkan dalam lawatan-lawatan selanjutnya,

maka lawatan ulangan perlu dibuat ke TK berkenaan sehingga soal selidik dapat dilengkapkan sebelum tempoh survei berakhir. Bagi lawatan yang selanjutnya, bilangan lawatan, tarikh lawatan dan lama masa yang diambil bagi temu ramah hendaklah dicatatkan pada ruangan "Ulasan Penemuramah".

Tempoh masa temu ramah hanya merujuk kepada masa yang diambil semasa menjalankan temu ramah iaitu daripada masa memulakan temu ramah hingga temu ramah ditamatkan.

Catatkan nama anda pada ruangan nama penemu ramah dan catatkan bahasa yang digunakan semasa menjalankan temu ramah.

2.22 Butiran 17 – Sebab-sebab TIDAK Ditemu ramah

Jika anda gagal membuat temu ramah setelah beberapa kali mencuba, isikan butiran ini.

Untuk kes-kes di mana temu ramah tidak dapat dijalankan, ulasan hendaklah dibuat dalam borang "Ulasan Penemuramah".

Sebab-sebab utama tiada sambutan adalah seperti berikut:

a) Tiada sesiapa di rumah (TSD)

Satu Isi Rumah hendaklah dilaporkan sebagai "Tiada sesiapa di rumah" atau TSD jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

(i) Semua penghuni **tiada di TK buat sementara waktu** kerana urusan pekerjaan, bercuti, menjaga saudara-mara yang sakit atau sebab-sebab lain;
(ii) Barang-barang kepunyaan penghuni seperti perabot dan perkakas rumah terdapat di TK berkenaan sebagai bukti rumah tersebut masih dihuni. Tentukan yang perabot-perabot tersebut adalah milik penghuni oleh sebab ia mungkin adalah unit rumah yang akan disewakan; atau

(iii) Unit tersebut **bukan untuk disewa atau dijual** dalam tempoh ditinggalkan.

Jika penghuni dijangka akan pulang sebelum berakhirnya tempoh survei ini, tinggalkan surat lawatan semula dan buat lawatan semula. Jika penghuni tersebut dijangka tidak akan kembali sebelum berakhirnya tempoh survei, nyatakan pada soal selidik sebagai "Tiada sesiapa di rumah" di ruang yang disediakan.

b) Enggan bekerjasama

Responden mungkin enggan memberi sebarang maklumat semasa temu ramah pertama atau mereka hanya menyatakan tiada sebarang perubahan mengenai maklumat yang diberi jika beliau telah ditemu ramah sebelumnya. Laporkan "Enggan bekerjasama" sebagai sebab di ruang yang disediakan. Jelaskan kepada responden kedudukan sebenar survei dan minta responden bekerjasama untuk temu ramah yang lain.

Bagi kes TK ulangan, TK tersebut **masih perlu dilawati** atau dihubungi dan responden perlu ditemu ramah bagi mengesahkan maklumat Ahli Isi Rumah. Sekiranya responden masih enggan memberikan kerjasama selepas dua kali lawatan, kes ini dikategorikan sebagai "Enggan bekerjasama".

Bagi kes Ahli Isi Rumah yang berada di dalam rumah semasa pegawai kerja luar membuat lawatan, namun enggan keluar dari rumah untuk memberi maklum balas, kategori respon yang perlu diletakkan ialah "Enggan bekerjasama" walaupun tidak dapat bersemuka dengan responden, ini berdasarkan pemerhatian penemuramah.

c) Unit kosong

Sebuah unit dianggap kosong jika biasanya ia tidak diduduki dan tidak digunakan sebagai tempat tinggal biasa pada hari temu ramah dijalankan. Iaitu, tiada seorang pun individu yang tinggal di tempat kediaman terpilih pada masa temu ramah dijalankan.

Walau bagaimanapun, jika penghuni unit tersebut tiada di TK buat sementara waktu, unit tersebut adalah dianggap didiami. Dapatkan kepastian daripada jiran sekiranya tempat kediaman tersebut didapati kosong. Kategori "Kosong" adalah termasuk unit-unit rumah yang kosong seperti sebuah rumah, *apartment* atau rumah pangsa untuk disewa atau dijual.

d) Telah roboh

Laporkan "Telah roboh" pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang telah runtuh, dimusnahkan atau yang sedang diruntuhkan. Kategori ini termasuk unit TK yang musnah terlibat dalam kebakaran/ banjir dan lain-lain.

e) Bukan tempat kediaman atau TK institusi (TKI)

Laporkan "Bukan tempat kediaman" atau "TK institusi" pada ruang yang disediakan bagi unit-unit yang digunakan secara tetap sebagai tempat perdagangan, perniagaan atau menyimpan barang.

f) Rumah sedang dalam pembinaan

Laporkan "Rumah sedang dalam pembinaan" bagi unit-unit yang masih dalam proses pembinaan.

g) Rumah usang

Laporkan "Rumah usang" untuk unit yang berkeadaan **tidak boleh diperbaiki dan tidak sesuai untuk didiami**.

h) Tiada sambutan/ Lain-lain (nyatakan)

Untuk unit-unit yang tidak dapat dikelaskan dalam mana-mana kategori di atas, hendaklah dimasukkan sebagai "**Tiada sambutan lain-lain**" dan tanyakan sebabnya. Contoh bagi kes ini adalah seperti kesalahan penyenaraian atau terletak di luar sempadan penyenaraian.

i) Lain-lain (didiami)

Untuk tempat kediaman terpilih yang **didiami tetapi temu ramah tidak dapat dijalankan** disebabkan oleh kematian ahli keluarga, Isi Rumah diasingkan (kuarantin), responden yang boleh dipercayai tidak dapat ditemui selepas beberapa lawatan dibuat (contoh: responden kanak-kanak), jalan tidak boleh dilalui (contoh: banjir) dan sebagainya.

j) Tidak layak

Sesuatu Isi Rumah dilaporkan sebagai "Tidak layak" jika penghuninya bukan ahli biasa di TK terpilih. TK terpilih bukan satu unit kosong yang didiami sekali-sekala sahaja seperti rumah yang digunakan semasa percutian/ persinggahan. Kategori ini termasuk unit TK yang tidak didiami oleh pemilik berkenaan tetapi dijadikan *"homestay"* atau "rumah tamu".

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 3

SEKSYEN A: BUTIR-BUTIR AHLI ISI RUMAH (HANYA DIJAWAB OLEH AHLI ISI RUMAH BERUMUR 15 TAHUN DAN KE ATAS)

3.1 Pendahuluan

Borang 'Butir-Butir Ahli Isi Rumah' digunakan untuk merekodkan nama dan butir-butir demografi bagi setiap penghuni yang mendiami sesuatu tempat kediaman dan membentuk suatu isi rumah.

Borang ini merupakan **REKOD ASAS** ahli-ahli bagi setiap isi rumah.

- **Borang ini mestilah diisi dengan cermat dan lengkap**;
- Sekiranya jumlah ahli dalam sesuatu isi rumah itu lebih daripada 15 orang, gunakan borang tambahan untuk melengkapkan soal selidik ini; dan
- Tuliskan maklumat dengan terang supaya senang untuk dibaca.

3.2 Ruangan 1 – Bilangan

Nombor-nombor yang dicetak pada Ruangan 1 digunakan untuk mengenali setiap ahli isi rumah yang disenaraikan.

3.3 Ruangan 2 – Nama

Tujuan soalan ini adalah untuk mendapatkan **senarai nama penuh** bagi semua ahli biasa sesebuah isi rumah yang **berumur 15 tahun dan ke atas**.

'**Ahli biasa**' sesebuah isi rumah adalah mereka yang telah atau akan tinggal di TK berkenaan bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga bulan.

Nama-nama ahli isi rumah hendaklah direkodkan mengikut susunan berikut:

a) Ketua Isi Rumah

Ketua Isi Rumah adalah mana-mana ahli isi rumah yang BIASA TINGGAL di Tempat Kediaman ini dan dirujuk sebagai Ketua oleh ahli isi rumah yang lain.

b) Isteri/ Suami ketua;
c) Anak-anak KIR yang belum berkahwin;
d) Anak-anak KIR yang telah berkahwin;
e) Menantu Perempuan/ Lelaki KIR;
f) Cucu KIR;
g) Bapa/ Ibu KIR atau kepada isteri/ suami KIR;
h) Datuk/ Nenek KIR kepada isteri/ suami KIR;
i) Abang/ Kakak/ Adik KIR atau kepada isteri/ suami KIR;
j) Orang lain yang bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR;
k) Pembantu rumah; dan
l) Orang lain yang tidak bersaudara dengan KIR atau isteri/ suami KIR.

PERINGATAN

- Jika anda tidak pasti sama ada untuk menyenaraikan seseorang itu atau tidak, anda adalah dinasihatkan untuk menyenaraikannya tetapi catat butiran yang tepat supaya keputusan dapat dibuat di pejabat.
- Adalah penting bagi anda untuk melengkapkan senarai ahli isi rumah ini bagi yang berumur **15 TAHUN DAN KE ATAS SAHAJA.**
- **ANDA HENDAKLAH BERHATI-HATI SUPAYA TIADA SESIAPA YANG TERTINGGAL** dalam senarai untuk mengelakkan kurang penghitungan.

3.4 Ruangan 3 – Jenis Pengenalan Diri (TID)

Butiran ini adalah merujuk kepada jenis kad pengenalan diri bagi setiap ahli isi rumah seperti berikut:

a) MyKad

Pemegang MyKad adalah seseorang yang berstatus Warganegara Malaysia. Kewarganegaraan Malaysia merujuk kepada penduduk yang bermastautin di Malaysia. Kriteria untuk kewarganegaraan Malaysia ditentukan dalam Peraturan Kewarganegaraan Malaysia 1964.

b) MyKid

MyKid merupakan kad pengenalan untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun tanpa gambar dan cap jari.

c) MyPR

Pemegang kad MyPR merupakan **pemastautin tetap** berstatus Bukan Warganegara yang berkelayakan berdasarkan permit masuk daripada Jabatan Imigresen Malaysia. MyPR mempunyai cetakan data mengenai negara asal pemegang MyPR termasuk nombor permit pemastautin tetap di bahagian belakang.

d) MyKAS

Pemegang MyKAS merupakan seorang **pemastatutin sementara bukan Warganegara Malaysia.** Kad Pengenalan ini dikeluarkan kepada seseorang yang dilahirkan di Malaysia tetapi taraf kewarganegaraannya tidak dapat ditentukan dan tempoh sah laku adalah lima (5) tahun daripada tarikh kad dikeluarkan.

e) Pasport

Pasport adalah dokumen perjalanan sah yang telah dikeluarkan oleh sesebuah negara kepada warganegaranya untuk tujuan perjalanan ke negara yang dibenarkan.

f) Kad Pengenalan Polis/ Tentera

• Kad Pengenalan Polis

Kuning	Biru
- Pangkat bawah - Tidak berkuasa keluarkan kompaun	- Pangkat inspektor atau ke atas - Berkuasa keluarkan kompaun

• Kad Pengenalan Tentera

g) Sijil Kelahiran

Sijil kelahiran Malaysia adalah dokumen rasmi yang mendaftarkan kelahiran seseorang di Malaysia. Ia mengandungi maklumat penting seperti nama individu yang dilahirkan, tarikh kelahiran, tempat kelahiran, maklumat ibu bapa, dan maklumat penting lain yang berkaitan dengan kelahiran tersebut.

h) Pengenalan lain

Individu yang didaftarkan melalui Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNCHR) yang memerlukan perlindungan Antarabangsa akan diberikan Kad UNCHR yang akan menyatakan bahawa pembawa kad atau dokumen tersebut berada di bawah perlindungan UNCHR.

i) Tiada pengenalan diri

Individu yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

3.5 Ruangan 4 – Nombor Kad Pengenalan Diri (NO IC)

Butiran ini adalah merujuk kepada nombor kad pengenalan diri seperti MyKad/ MyKid/ MyPR/ MyKAS/ No. Pasport/ Kad Pengenalan Polis/ Tentera/ Sijil Kelahiran/ Pengenalan lain/ Tiada pengenalan diri bagi setiap ahli isi rumah.

Catatkan nombor kad pengenalan diri bagi setiap ahli isi rumah. Bagi mengesahkan nombor kad pengenalan diri responden, seboleh-bolehnya **dapatkan persetujuan responden** untuk **melihat dokumen tersebut**. Jika maklumat tidak diperoleh, maklumkan untuk menghubungi kembali responden. Jangan lupa untuk mencatatkan nombor telefon/ e-mel responden supaya nombor kad pengenalan diri yang betul dapat dikutip.

3.6 Ruangan 5 – Perhubungan dengan Ketua Isi Rumah (PK IS)

Tuliskan pertalian setiap AIR dengan KIR seperti yang disenaraikan.

Catatkan jawapan dengan jelas seperti isteri, suami, anak, menantu, cucu, abang, kakak, sepupu dan sebagainya.

Catatan: Pastikan di dalam satu isi rumah terdapat **satu ketua** sahaja.

3.7 Ruangan 6 – No. Ahli Isi Rumah (Untuk Ahli Biasa) (HM IS)

Ahli-ahli biasa adalah mereka yang biasanya tinggal atau **AHLI BIASA** di TK terpilih. Tempat kediaman biasa adalah tempat di mana seorang itu selalu tinggal, makan dan berkongsi perbelanjaan isi rumah secara bersama.

Orang yang menumpang atau bercadang menumpang selama tiga bulan atau lebih dan pembantu rumah yang makan dan tinggal di tempat kediaman terpilih juga dianggap sebagai ‘ahli biasa’ isi rumah tersebut.

Bagi **mereka yang bekerja**, tempat tinggal biasa adalah dalam lingkungan jarak perjalanan dari tempat kerjanya.

Bagaimanapun, terdapat kes-kes yang dikecualikan daripada peraturan ini seperti kes-kes nelayan, pemburu, jurujual, pemandu lori atau teksi dan pekerja di pelantar minyak yang sentiasa berulang alik dari satu tempat ke satu tempat. Mereka ini dianggap sebagai ahli biasa isi rumah berkenaan walaupun tempat kerjanya tidak termasuk dalam jarak perjalanan tempat tinggal biasa.

Bagi **mereka yang tidak bekerja**, gunakan peraturan tiga bulan; iaitu jika mereka telah tinggal di tempat kediaman selama tiga bulan yang lepas sebelum tarikh temu ramah atau dijangkakan akan tinggal di situ dalam tempoh tiga bulan lagi, mereka memenuhi syarat sebagai ahli biasa (pendekatan *de jure*).

Bagi **pelajar yang tinggal di asrama**, gunakan peraturan tiga bulan. Jika pelajar ini balik ke TK terpilih sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan yang lalu, masukkannya sebagai

ahli biasa. Sebaliknya, jika pelajar berkenaan tinggal di TK persendirian seperti menyewa rumah, jangan masukkan pelajar berkenaan sebagai ahli biasa di TK keluarganya.

3.7.1 Mereka yang TIDAK dianggap sebagai ahli biasa adalah:

a) **Pelawat-pelawat sementara** dan mereka yang tinggal buat sementara sahaja di TK terpilih kerana sedang mencari rumah lain;

b) **Penghuni institusi** seperti pesakit-pesakit di hospital dan **penuntut yang tinggal di asrama** dan tidak berada di TK terpilih bagi tempoh tiga bulan atau lebih tanpa balik ke TK terpilih walaupun sehari; dan

c) Ahli-ahli keluarga seperti anak-anak yang telah berkahwin dan balik serta tinggal di TK terpilih bagi tempoh satu hari atau lebih tidak dianggap sebagai **'ahli biasa'** selagi TK biasanya adalah di TK lain.

Contoh:

Jika seseorang itu bekerja di Kuantan dan tinggal di TK persendirian tetapi pada masa temu ramah dijalankan beliau berada di TK terpilih di Kuala Lumpur iaitu TK biasa kedua orang tuanya, maka dia tidak boleh diambil kira sebagai 'ahli biasa' TK yang terpilih ini (Kuala Lumpur) kerana tempat tinggal biasanya adalah Kuantan.

3.7.2 Cara menanyakan soalan:

Kemukakan soalan berikut bagi ahli yang disenaraikan dalam Ruangan 2

"*Adakah..... (Nama) ..... biasa tinggal di sini?*"

atau

"*Adakah..... (Nama) ..... ahli biasa di rumah ini?*"

3.7.3 Cara merekodkan nombor ahli isi rumah biasa:

Catatkan nombor ahli isi rumah pada Ruangan 6 bagi setiap ahli biasa.

Nombor ahli isi rumah adalah 2 digit dan hendaklah dicatatkan sebagai '01', '02', '03' dan seterusnya. Nombor ini hendaklah sama dengan bilangan nombor pada Ruangan 1.

PERINGATAN

Jangan isikan Ruangan 6 bagi mereka yang bukan ahli biasa. Jika anda tidak dapat memutuskan sama ada seseorang itu ahli biasa atau tidak, anda dinasihatkan supaya memasukkan namanya sebagai ahli biasa dan hendaklah memberikan keterangan yang lengkap mengenainya supaya penentuan dapat dibuat di pejabat.

3.7.4 Contoh-contoh masalah yang biasa ditemui

Kes (a) - Seorang kakitangan kerajaan yang bekerja dan tinggal di Kluang tetapi sedang menghadiri kursus selama enam bulan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di Kuala Lumpur.

Jawapan - Gunakan peraturan tiga bulan untuk menentukan sama ada beliau boleh dikira sebagai 'ahli biasa' di Kluang atau sebaliknya. Sekiranya beliau balik ke Kluang sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan yang lepas, beliau dianggap sebagai ahli biasa di Kluang dan bukan di Kuala Lumpur.

Kes (b) - Seorang askar yang tinggal di tempat kediaman persendirian di Kuala Lumpur tetapi sedang bertugas di sempadan atau di dalam hutan.

Jawapan - Gunakan peraturan tiga bulan untuk menentukan sama ada beliau boleh dianggap sebagai ahli biasa di Kuala Lumpur atau tidak. Sekiranya beliau telah pulang ke Kuala Lumpur paling kurang sekali dalam tempoh tiga bulan yang lepas, beliau adalah ahli biasa di Kuala Lumpur. Jika beliau tidak kembali dalam tempoh tiga bulan, maka beliau bukan ahli biasa di Kuala Lumpur.

3.8 Ruangan 7 – Jantina (J)

Jangan membuat andaian berdasarkan nama ahli tersebut.

Catatkan '1' bagi lelaki dan '2' bagi perempuan.

3.9 Ruangan 8 – Hari, Bulan dan Tahun Kelahiran (HR, BK & TK)

Tuliskan tarikh lahir yang lengkap iaitu **Hari**, **Bulan** dan **Tahun** di petak yang berkenaan.

Sekiranya AIR tidak dapat memberikan maklumat tarikh lahir dengan **lengkap**, dapatkan tahun kelahiran AIR.

Penentuan umur AIR adalah mengikut **TAHUN** kelahiran.

3.10 Ruangan 9 – Umur (U) pada hari ulang tahun kelahiran yang lepas

Tuliskan umur di dalam petak yang berkenaan.

Maklumat umur yang dikehendaki ialah **umur dalam tahun genap (umur pada hari jadi yang terakhir)** pada tarikh survei.

Nota:

Sekiranya umur 15 tahun catatkan "015" dan jika umur 101 tahun catatkan "101".

3.11 Ruangan 10 – Kewarganegaraan (KW)

Tanyakan:

"Adakah anda warganegara Malaysia?"

- Jika 'Ya', catatkan dalam Ruangan 10 – 'Malaysia'.
- Jika 'Tidak', tanyakan soalan yang berikut:

"Apakah kewarganegaraan anda?"

Catatkan warganegara ahli berkenaan seperti yang ditanyakan.

Contoh: Jika responden adalah warganegara Indonesia, catatkan 'Indonesia' dalam ruangan yang berkenaan.

Jika mereka menjawab: “Saya tidak ada negara”, catatkan di dalam ruangan berkenaan sebagai **‘Tiada Negara’.**

Jika mereka menjawab: “Saya telah pun memohon untuk menjadi warganegara Malaysia”, catatkan **kewarganegaraan asal mereka.**

Jika responden kurang pasti, lihat kad pengenalannya. Jika responden memiliki kad pengenalan (lama) atau MyKad berwarna biru, maka ia adalah warganegara Malaysia. Jika kad pengenalannya bukan warna biru atau selain daripada kad pengenalan Malaysia, tanyakan: “Beliau berasal dari mana?”. Status bagi seseorang “Pemastautin Tetap (PR)” di Malaysia dianggap ‘Bukan warganegara’.

Cara merekodkan kewarganegaraan:

Kod 458: Merujuk kepada AIR yang merupakan warganegara Malaysia.

Bagi AIR yang bukan warganegara Malaysia, sila rujuk **Buku Kod** dan tuliskan kod mengikut warganegara AIR tersebut.

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah kewarganegaraan AIR yang bukan warganegara Malaysia.

Bagi AIR yang mempunyai **dua kewarganegaraan,** perlu tentukan satu negara sahaja berdasarkan pasport yang digunakan bagi memasuki Malaysia.

Bagi AIR yang sedang memohon kewarganegaraan, catatkan kewarganegaraan yang asal (jika masih sah).

3.12 Ruangan 11 – Kumpulan Etnik (KET)

Kumpulan etnik ialah sekumpulan orang yang terikat bersama-sama oleh hubungan bahasa, adat resam, agama yang sama dan sebagainya.

Tuliskan kod jawapan di petak yang berkenaan dengan merujuk kepada **Buku Kod.** Jangan membuat andaian berdasarkan nama, rupa atau sebagainya.

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) yang **berasal dari Semenanjung Malaysia,** kelaskan beliau dalam **Kod 1100 "Melayu".**

Bagi AIR yang menyatakan dirinya etnik Jawa, Bugis atau Banjar (Warganegara) **yang berasal dari Sabah,** kelaskan beliau dalam kod **3998 "Bumiputera Sabah Lain".**

Bagi AIR yang berasal dari ibu bapa atau keturunan campuran, galakkan AIR membuat satu pilihan berdasarkan bahasa, agama, adat resam yang dipegang atau kumpulan mana ibu bapa AIR menganggap mereka berasal. Sebagai cara terakhir, catatkan etnik bapa.

3.13 Ruangan 12 – Taraf Perkahwinan (TP)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui taraf perkahwinan pada tarikh survei bagi AIR.

Cara untuk merekodkan jawapan:

Kod 1 - **Tidak pernah berkahwin:** Merujuk kepada AIR yang melaporkan sebagai belum pernah berkahwin.

Kod 2 - **Berkahwin:** Merujuk kepada AIR yang masih berkahwin semasa temu ramah. Istilah perkahwinan adalah termasuk perkahwinan mengikut undang-undang, secara adat atau peraturan agama. Kategori ini termasuk "tinggal bersama" iaitu satu keadaan di mana pasangan lelaki dan perempuan telah bersetuju untuk hidup bersama tanpa melalui proses perkahwinan mengikut agama dan undang-undang.

Kod 3 - **Balu/ Duda:** Merujuk kepada AIR yang kematian suami/ isteri dan belum berkahwin semula semasa temu ramah dijalankan.

Kod 4 - **Bercerai:** Merujuk kepada AIR yang perkahwinannya telah dimansuhkan mengikut undang-undang atau peraturan keagamaan ATAU tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa/ tempoh yang lama dan tiada kemungkinan untuk bersatu semula.

Kod 5 - Berpisah: Merujuk kepada pasangan yang masih menjadi suami isteri tetapi tidak tinggal bersama. Berkemungkinan berpisah seketika dan akan rujuk kembali. Tidak termasuk dalam istilah ini bagi pasangan yang tinggal berjauhan atas tanggungjawab terhadap tugas atau sebab-sebab lain.

3.14 Ruangan 13 – Taraf Ketidakupayaan (OKU)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui sama ada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU). Sekiranya AIR merupakan OKU, pengesahan dibuat sama ada AIR tersebut berdaftar dengan mana-mana agensi atau tidak. Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Cara untuk merekodkan jawapan:

Cara untuk merekodkan jawapan:

Kod 1 - Ya, berdaftar: Merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar.

Kod 2 - Ya, tidak berdaftar: Merujuk kepada AIR merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang tidak berdaftar.

Kod 3 - Tidak: Merujuk kepada AIR bukan Orang Kurang Upaya (OKU).

3.15 Ruangan 14 – Persekolahan (P)

Tujuan soalan ini untuk menentukan adakah responden pernah bersekolah.

Cara untuk merekodkan jawapan:

Kod 1 - Tidak bersekolah: Merujuk kepada AIR yang tidak pernah bersekolah

Kod 2 - **Bersekolah (sepenuh masa)**: Merujuk kepada AIR yang masih menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan rasmi secara sepenuh masa.

Kod 3 - **Bersekolah (separuh masa):** Merujuk kepada AIR yang masih menghadiri secara sambilan/ separuh masa di mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan rasmi seperti program jarak jauh, *online,* eksekutif dan sebagainya.

Kod 4 - **Tamat persekolahan:** Merujuk kepada AIR yang telah tamat pelajaran di sekolah rendah/ menengah/ maktab/ politeknik/ kolej/ universiti.

PERINGATAN

Bagi mereka yang masih menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Teknik, Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional SPM(V) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), soalan berikut perlu ditanya untuk menentukan sama ada responden tersebut masih bersekolah atau telah tamat persekolahan.

"Adakah anda bercadang untuk melanjutkan pelajaran?"

Sekiranya jawapan adalah 'Ya', anggap responden sebagai 'masih bersekolah' dan jika 'Tidak' anggap responden sebagai telah 'tamat persekolahan'.

3.16 Ruangan 15 – Taraf Pendidikan Rasmi Tertinggi (PT)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui peringkat pendidikan tertinggi yang dicapai atau masih menuntut. Peringkat tertinggi yang dicapai merujuk kepada tahap pendidikan tertinggi yang diperoleh sehingga tarikh survei.

Sekiranya AIR belajar di luar Malaysia, dapatkan persamaan taraf pendidikan dengan sistem pendidikan di Malaysia sekarang. Jika taraf pendidikannya tidak dapat disamakan dengan pendidikan Malaysia, bilangan tahun seseorang itu belajar di luar negara akan diambil kira. Contohnya, jika AIR telah belajar selama 10 tahun di luar Malaysia, persamaan peringkat persekolahan (bermula dengan 6 tahun) ialah Tingkatan 4.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat pendidikan tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah **tiga (3) digit.** Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap peringkat pendidikan tertinggi boleh dirujuk pada **Buku Kod.**

Kod 001 dan 002 – Pendidikan awal kanak-kanak dan Pendidikan pra-sekolah
(*umur pelajar: 0-6 tahun*)

- Merupakan program pendidikan awal terancang yang direka untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada persekitaran sekolah.
- Peringkat yang pertama ialah Pusat Asuhan Kanak-Kanak atau TASKA untuk kanak-kanak yang berumur di bawah 4 tahun. Peringkat kedua pula ialah Pra-sekolah atau TADIKA untuk kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun.
- Pendidikan awal bagi kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun yang diasuh atau dididik bertujuan memberi sokongan kepada ibu bapa yang bekerja khususnya bagi mengekalkan sumber tenaga wanita dalam pekerjaan.
- Pendidikan pra-sekolah **TERMASUK** di bawah takrif pendidikan rasmi/ formal. Ianya dikodkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat penduduk yang telah/ sedang mengikuti pendidikan pra-sekolah. Ini kerana mereka yang menduduki pra-sekolah telah mendapat pendedahan kepada persekitaran sekolah dan pengetahuan asas berbanding mereka yang tidak pernah bersekolah. **Oleh itu, Ruangan 14 (Persekolahan) dikodkan sebagai '2' manakala Ruangan 16 (Sijil Tertinggi Diperoleh) dikodkan '02'.**
- Pendidikan pra-sekolah mesti dijalankan di premis sekolah atau pusat untuk memenuhi keperluan perkembangan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun dan staf yang mempunyai kelayakan untuk mengajar kanak-kanak peringkat umur muda.
- Tiada kelayakan masuk.
- Setelah tamat program pra-sekolah, murid-murid akan menyambung pendidikan di peringkat rendah.

Kod 101 hingga 106 – Tahun 1 hingga 6 (Pendidikan rendah)
(*umur pelajar: 6-12 tahun*); (*pengajian terkumpul: 1-6 tahun*)

- Direkabentuk untuk menyediakan pendidikan umum bertujuan melengkapkan murid-murid dengan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) serta mewujudkan individu yang seimbang.
- Murid-murid akan mengambil ujian penilaian di peringkat akhir pendidikan rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah rendah.
- Tempoh pengajian enam tahun tetapi boleh tamat diikuti dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.
- Kelayakan masuk mengikut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan atau sekolah rendah berkenaan.
- Permulaan aktiviti pembacaan sahaja bukan kriteria untuk klasifikasi program pendidikan ini.

Kod 201 hingga 204 – Kelas Peralihan dan Tingkatan 1 hingga 3 (Pendidikan menengah rendah)
(*umur pelajar: 12-15 tahun*); (*pengajian terkumpul: 7-10 tahun*)

- Meneruskan program pendidikan asas yang dijalankan di peringkat rendah.
- Disediakan dengan memberi lebih masa kepada murid-murid untuk menguasai dan melengkapkan diri dengan pendidikan umum yang bersepadu.
- Mesti mengikut masa di mana ianya dirancang berorientasikan subjek menggunakan guru yang berkelayakan khusus untuk bidang/subjek yang diajar.
- Tempoh pengajian selama 3/ 4 tahun.
- Turut menyediakan program peralihan bagi pelajar aliran bahasa Cina dan Tamil untuk menguasai Bahasa Malaysia sebelum meneruskan pengajian ke Tingkatan 1 iaitu ‘Kelas Peralihan’.
- Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian di peringkat akhir pendidikan menengah rendah, sebelum menyambung pelajaran ke peringkat menengah atas.

Kod 205 dan 206 – Tingkatan 4 dan 5 (Pendidikan menengah atas)

(*umur pelajar: 15-17 tahun*); (*pengajian terkumpul: 10-12 tahun*)

- Merupakan kesinambungan program menengah rendah.
- Tempoh pengajian selama 2 tahun.
- Selain menerima pendidikan umum, pelajar juga diberi pilihan untuk menjurus dalam aliran sastera, sains, vokasional, teknikal atau agama.
- Pendidikan vokasional adalah seperti dalam bidang pertukangan, pertanian, sains rumah tangga dan perdagangan. Kursus vokasional yang diberi adalah mengikut peluang-peluang pekerjaan di Malaysia. Bermula tahun 1997, sekolah vokasional telah dinaik taraf sebagai sekolah teknik.
- Pelajar akan menduduki peperiksaan penilaian (SPM/ SPMV/ SMA/ SMU/ GCE 'O' *Level* atau yang setaraf) di peringkat akhir pendidikan menengah atas sebelum menyambung pengajian peringkat tertiari atau memilih memasuki pasaran buruh.
- Terdapat juga pelajar sekolah vokasional/ teknik yang hanya menduduki peperiksaan Sijil Kemahiran Malaysia.

Kod 207 – Program kemahiran asas

(umur pelajar antara 15-40 tahun)

- Syarat minimum kemasukan ke program ini adalah boleh membaca, menulis dan mengira.
- Merupakan program berbentuk modular, praktikal (*hands-on*) dan *employable skills* mengikut keperluan semasa.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Pelajar yang telah menamatkan program peringkat ini boleh memasuki pasaran buruh atau mengikuti latihan lanjutan pendidikan vokasional/ teknik.
- Program yang dikelaskan di bawah kategori ini adalah seperti kursus **GIAT MARA**.

Kod 208, 209, 308 dan 309 – Kolej vokasional Tahun 1 hingga 4

Bidang vokasional memberikan peluang kepada pelajar yang berpencapaian baik atau sederhana dalam akademik dan berminat kepada pembelajaran bercorak vokasional (berkaitan pekerjaan). Isi kandungan bidang vokasional mempunyai komponen teori dan praktikal yang seimbang. Objektif aliran ini adalah untuk membantu melahirkan separa profesional (juruteknik/pembantu teknik) dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan. Setelah tamat pengajian, pelajar berpeluang ke IPTA, IPTS, dan institut latihan kemahiran awam dan swasta, atau terus ke alam pekerjaan.

- Program ini merangkumi 2 tahun pengajian di peringkat Sijil dan 2 tahun 6 bulan di peringkat Diploma (termasuk lima 5 bulan *On The Job Training*)
- Pelajar yang berjaya di peringkat Sijil akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM)
- Pelajar yang dianugerahkan SVM dan melepasi syarat kemasukan layak menyambung pengajian di peringkat Diploma di Kolej Vokasional yang sama
- Pelajar yang tidak melepasi syarat kemasukan ke peringkat Diploma akan menyambung pengajian di Kolej Vokasional yang sama dalam bidang kemahiran dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) berdasarkan tahap kompetensi yang dicapai
- Pelajar yang lulus pengajian di peringkat Diploma akan dianugerahkan Diploma oleh Senat Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Matlamat Program Kolej Vokasional untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan kompeten bagi memenuhi keperluan industri dan *entrepreneur*

Kod 301 dan 302 – Tingkatan 6 (rendah dan atas)
(*umur pelajar: 17-19 tahun*); (*pengajian terkumpul: 12-14 tahun*)

- Pelajar telah tamat pendidikan menengah atas.

- Tempoh pengajian selama 1-2 tahun.
- Pelajar yang telah menamatkan pendidikan di peringkat ini boleh meneruskan pengajian di peringkat diploma/ ijazah atau memasuki pasaran buruh.

Kod 303 hingga 305 – Matrikulasi (Pra universiti dan program persediaan)
(*umur pelajar: 17-19 tahun*); (*pengajian terkumpul: 12-14 tahun*)

- Pelajar telah tamat pendidikan menengah atas.
- Pengajian peringkat matrikulasi merupakan persediaan untuk pengajian peringkat ijazah dalam negara dan termasuk program persediaan bagi melanjutkan pelajaran ke luar negara.
- Tempoh pengajian selama 1–2 tahun.
- Ini termasuk pengajian tahap *alpha* dan *beta* di Universiti Multimedia (MMU) yang merupakan pengajian tahun asas (*foundation year*) pertama dan kedua.

Kod 401 – Program sijil kemahiran khusus dan teknikal
(*umur pelajar: 18 tahun dan lebih*)

- Kemasukan ke program sijil kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan kepada sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah atas seperti tamat Tingkatan 5 atau lulus peperiksaan SPM/ SPM(V). Terdapat juga kursus yang mana syarat kemasukannya hanya lulus PMR atau setaraf dengannya.
- Merujuk kepada **program sijil** yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of*

Commerce and Industry International Qualifications (LCCI) (Tahap 1 dan 2).

- Contoh institusi : Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan.
- Tempoh kursus sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu untuk memasuki pasaran buruh atau meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk dalam kategori ini adalah sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti atau badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf dengannya (kod 401–403).

Kod 402 – Program sijil oleh badan-badan yang memberi pengiktirafan

- Kemasukan ke program sijil dari badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf dengannya memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V) atau dengan kelayakan tambahan dari kod 401.
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Kategori ini juga merangkumi program pensijilan daripada badan-badan yang memberi pengiktirafan seperti program pensijilan daripada Telekom Malaysia, Suruhanjaya Tenaga, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja dan agensi-agensi lain.

Kod 403 – Program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau setaraf dengannya

- Kemasukan ke program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/SPM(V) atau dengan kelayakan tambahan dari kod 401.

- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Merujuk kepada program pensijilan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/kolej termasuk politeknik.
- Contoh: Kursus pensijilan ekonomi, perniagaan dan pengurusan, sains komputer & teknologi maklumat, senibina dan perancangan bandar & ukur yang ditawarkan oleh kolej/ politeknik/universiti.

Kod 404 – Program sijil perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu

- Kemasukan ke program sijil perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V).
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 6 bulan hingga 2 tahun.
- Merujuk kepada program pensijilan yang ditawarkan oleh institusi pengajian awam dan swasta termasuk institusi di bawah **Kementerian Pelajaran** dan **Kementerian Kesihatan**.
- Contoh institusi: Institusi Perguruan Malaysia, Sekolah Kejururawatan, Institut Kesihatan Umum, MASTERSKILL College of Nursing and Health, Kolej MAHSA dll.

Kod 501 – Program diploma kemahiran khusus dan teknikal

- Kemasukan ke program diploma kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan sekurang-kurangnya menamatkan program sijil kemahiran khusus dan teknikal (kod 401).
- Merujuk kepada **program diploma** yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan

tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Diploma Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications* (LCCI) (Tahap 3 dan 4).

- Contoh institusi: Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC), *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dll) dan kolej swasta yang berkenaan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.

Kod 502 – Program diploma lanjutan/ *Higher National Diploma* kemahiran khusus dan teknikal

- Kemasukan ke program diploma lanjutan/ *Higher National Diploma* kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan sekurang-kurangnya tamat program diploma kemahiran khusus dan teknikal (kod 501).
- Merujuk kepada program diploma yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).
- Contoh institusi: Institusi Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC) dan kolej swasta yang berkenaan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 3 tahun.

Kod 503 – Program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau setaraf dengannya

- Kemasukan ke program diploma dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya memerlukan seseorang pelajar

lulus peperiksaan SPM/SPM(V) atau tamat program sijil dari kolej/ politeknik/ universiti atau yang setaraf dengannya.
- Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej termasuk politeknik.
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.

Kod 504 – Program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu

- Kemasukan ke program diploma perguruan/ kejururawatan/ kesihatan bersekutu memerlukan seseorang pelajar lulus peperiksaan SPM/ SPM(V).
- Lebih berorientasi amali dan spesifik kepada pekerjaan.
- Tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Merujuk kepada program diploma yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk institusi di bawah **Kementerian Pelajaran** dan **Kementerian Kesihatan**.
- Contoh institusi: Institut Perguruan Malaysia (IPG), Kolej Kejururawatan/Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, Institut Kesihatan Umum, MASTERKILL *College of Nursing and Health*, Kolej MAHSA dll.

Kod 601 – Program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus Tingkatan 6 Atas, matrikulasi atau diploma.
- Terdapat juga kemasukan terus ke program ijazah sarjana muda selepas lulus SPM/ SPM(V). Bagaimanapun, golongan ini akan melalui kursus asas (*foundation course*) pada tahun pertama pengajian. Contohnya, kursus peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Teknologi Malaysia.
- Merujuk kepada program ijazah sarjana muda/ diploma lanjutan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.

- Program ini lebih bersifat teori dan adalah untuk menyediakan kelayakan yang mencukupi untuk memasuki program penyelidikan lanjutan dan profesion yang berkemahiran tinggi.
- Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori (di peringkat tertiari) selama tiga tahun sepenuh masa. Melibatkan penulisan tesis atau kertas projek di tahun akhir pengajian.
- Terdapat pelbagai pendekatan laluan yang boleh diikuti oleh seseorang pelajar untuk mendapatkan ijazah pertama mereka. Selain daripada program pengajian biasa, terdapat juga program lain seperti program berkembar (3+0 atau 2+1) dan *francais*.
- Kursus diploma lanjutan, diploma dalam bidang sebaran am dan diploma dalam bidang seni lukis dan seni reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.

Kod 701 – Program lepasan ijazah

Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar lulus ijazah sarjana muda atau diploma lanjutan.

- Merujuk kepada program lepasan ijazah yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan badan-badan profesional dalam bidang-bidang tertentu.
- Program ini lebih bersifat aplikasi untuk memasuki profesion tertentu seperti perguruan atau mendapat pengiktirafan bagi profesion yang berkenaan seperti kejuruteraan, perakaunan, perundangan, arkitek, perubatan dan lain-lain.
- Pensijilan diperoleh melalui kursus/ peperiksaan/ latihan amali. Contohnya, latihan amali bagi bidang undang-undang ialah *chambering.*
- Termasuk juga dalam kategori ini ialah kursus lepasan ijazah seperti Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI), *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan *Bachelor of Laws* (LLB).

Kod 702 – Program sarjana (*Master*)

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana muda.
- Program ini mempunyai jangka masa terkumpul untuk teori, penulisan tesis dan/atau kertas projek sekurang-kurangnya satu tahun sepenuh masa.
- Merujuk kepada program ijazah sarjana yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) khususnya di peringkat universiti/ kolej dalam dan luar negara yang diiktiraf.

Kod 801 – Program ijazah falsafah kedoktoran

- Kemasukan di peringkat ini memerlukan seseorang pelajar tamat pengajian ijazah sarjana.
- Merujuk kepada program ijazah falsafah kedoktoran yang ditawarkan di peringkat universiti dalam dan luar negara yang diiktiraf.
- Peringkat ini dikhaskan untuk program pendidikan tertiari yang membawa kepada penganugerahan kelayakan penyelidikan lanjutan. Program ditumpukan kepada penyelidikan sendiri dan pengajian lanjutan.
- Memerlukan penyerahan tesis atau disertasi yang bermutu yang boleh diterbitkan dan hasil penyelidikan sendiri yang merupakan sumbangan yang signifikan kepada ilmu pengetahuan. Tidak sepenuhnya berasaskan kepada kerja kursus.

Kod 802 – Skim pasca kedoktoran

- Kemasukan peringkat ini memerlukan seseorang pelajar mempunyai ijazah falsafah kedoktoran (Ph.D), menjalankan penyelidikan dalam bidang berkaitan dan telah menghasilkan beberapa penerbitan di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Peringkat ini dikhaskan kepada program pendidikan/ penyelidikan selepas seseorang itu telah memperolehi ijazah falsafah kedoktoran bertujuan untuk memperoleh kemahiran profesional yang diperlukan dalam kemajuan kerjaya.

- Pelajar yang mengikuti program ini akan memegang jawatan *postdoctoral fellow* bagi tempoh 6 bulan hingga 5 tahun yang dikhususkan untuk menjalankan penyelidikan.
- Program ini juga telah ditawarkan kepada mereka yang memfokuskan kerjaya dalam bidang pendidikan yang dikenali sebagai "*teaching post-docs*".

Kod 003 – Pendidikan tidak formal

Merujuk kepada seseorang yang mendapat pendidikan selain daripada pendidikan rasmi atau formal. Pendidikan tidak formal ialah segala bentuk aktiviti pendidikan yang tidak tersusun dan diajar secara spontan sama ada oleh individu atau oleh institusi tidak berdaftar. Contohnya, seseorang yang bersekolah di sekolah pondok dan mendapat pendidikan agama sahaja akan dikategorikan sebagai 'Pendidikan tidak formal'.

Kod 004 – Tiada pendidikan

Merujuk kepada seseorang yang berumur **sembilan tahun dan lebih** dan masih belum bersekolah.

Kod 005 – Masih belum bersekolah

Merujuk kepada kanak-kanak yang berumur **kurang daripada sembilan tahun** dan masih belum bersekolah.

3.17 Ruangan 16 – Sijil Tertinggi yang diperoleh di sekolah, maktab atau universiti (SJ)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui apakah sijil tertinggi yang diperoleh.

Sijil tertinggi yang diperoleh adalah merujuk kepada sijil akademik yang diterima semasa di sekolah, maktab atau universiti yang menyediakan "pendidikan rasmi".

TERMASUK dalam kategori ini ialah AIR yang tidak melalui pendidikan rasmi (contoh: pengajian secara pos yang menyediakan bimbingan mata pelajaran akademik, belajar sendiri atau belajar di sekolah pondok) dan memperoleh sijil daripada badan-badan yang memberi pengiktirafan. Contohnya, AIR yang memiliki sijil SPM tetapi belajar sendiri.

TIDAK TERMASUK sijil yang diperoleh untuk kemahiran tertentu dalam tempoh masa yang pendek **(kurang daripada enam bulan)** seperti simpan kira, membaiki radio, trengkas, komputer dan sijil kemahiran bahasa.

Sijil tertinggi yang diperoleh di luar negara hendaklah dilihat persamaannya dari segi tahun pembelajaran semasa menduduki peperiksaan tersebut. Contoh, Sijil Menengah Atas (SMA) di Indonesia adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sila masukkan kod berdasarkan **Buku Kod**. Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ ijazah tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah dua (2) digit. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Kod.

Tiada Sijil

- Merujuk kepada seseorang yang masih bersekolah **atau** telah tamat persekolahan **tanpa memperoleh sebarang sijil.**
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil" sehingga "STPM atau yang setaraf",** abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

UPSR/ UPSRA/ UPKK atau yang setaraf

- Kategori ini merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)/ Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)/ Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA) atau yang setaraf.
- UPSR adalah program pengujian untuk menilai pencapaian pelajar di akhir sekolah rendah (Tahun Enam). Peperiksaan ini diperkenalkan pada tahun 1987 bagi menggantikan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima.
- UPSRA dijalankan kepada pelajar-pelajar di akhir Sekolah Rendah Agama.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil" sehingga "STPM atau yang setaraf"**, abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

PT3/ PMR/ SRP/ LCE/ SRA atau yang setaraf

- Merujuk kepada AIR yang memiliki sijil tertinggi Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Rendah Pelajaran (SRP), *Lower Certificate of Education (LCE),* Sijil Rendah Agama (SRA), *Junior Cambridge Certificate* dan *Junior Middle III* atau yang setaraf.
- Kelulusan sijil SRP dan yang setaraf adalah merujuk kepada sijil penuh iaitu mereka yang mendapat pangkat A, B dan C. Pangkat "S" atau *"Statement"* tidak dikira sebagai sijil penuh.
- PMR telah menggantikan SRP mulai tahun 1993.
- PT3 telah menggantikan PMR mulai tahun 2014.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil"** sehingga **"STPM atau yang setaraf"**, abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

SPM/ SPVM/ SPM(V)/ MCE/ MVE/ SMA/ SMU/ 4 Thanawi/ GCE 'O' Level atau yang setaraf

- Merujuk kepada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM), Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPM(V)), *School Certificate (SC), Senior Cambridge Certificate, Malaysia Certificate of Education (MCE), Federation of Malay Certificate (FMC), Malaysia Certificate of Vocational Education (MVE)*

Senior Middle III, 4 Thanawi (Sijil Pelajaran Agama), *GCE 'O' Level* atau yang setaraf.

- FMC diperkenalkan pada 1957 dan digantikan dengan MCE pada 1964. Seterusnya, SPM telah menggantikan MCE. Sebelum Sistem Pensijilan Terbuka diperkenalkan di peringkat SPM pada tahun 2000, hanya mereka yang mendapat pangkat 1, 2 dan 3 dikategorikan di bawah kod ini. Dalam Sistem Pensijilan Terbuka, calon yang lulus Bahasa Melayu akan menerima sijil penuh.
- MVE diperkenalkan pada 1969. SPVM menggantikan MVE pada tahun 1981. Seterusnya, SPVM ditukar menjadi SPM (V) pada 1988.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil"** sehingga "STPM atau yang setaraf", abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

STPM/ STP/ HSC/ STA/ STAM/ STU/ GCE 'A' Level atau yang setaraf

- Merujuk kepada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Persekolahan (STP), *Higher School Certificate (HSC),* Sijil Tinggi Agama (STA), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Tinggi Ugama (STU), *GCE 'A' Level.*
- TIDAK TERMASUK *"GCE Statements"* yang tidak setaraf dengan sijil penuh.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil" sehingga "STPM** atau yang setaraf", abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

Sijil Kemahiran Asas

- Merujuk kepada sijil kemahiran asas yang diperoleh dari institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal seperti sijil GIAT MARA.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil" sehingga "STPM** atau yang setaraf", abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

Sijil Matrikulasi

- Merujuk kepada sijil yang diperoleh setelah tamat program matrikulasi.
- Termasuk sijil matrikulasi luar negara seperti Australian Matriculation (AUSMAT) dan London Matriculation.
- Sekiranya AIR menjawab salah satu daripada **"Tiada sijil" sehingga "STPM** atau yang setaraf", abaikan soalan Butiran 17 dan 18.

Sijil Kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

- Kemasukan ke program sijil kemahiran khusus dan teknikal kebiasaannya memerlukan kepada sekurang-kurangnya menamatkan pendidikan menengah atas seperti tamat Tingkatan 5 atau lulus peperiksaan SPM/ SPM (V). Terdapat juga kursus yang mana syarat kemasukannya hanya lulus PMR atau setaraf dengannya.
- Merujuk kepada program sijil yang dijalankan oleh institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang menggunakan pensijilan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan *London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications (LCCI)* (Tahap 1 dan 2).
- Contoh institusi: Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain), Institut Pertanian dan kolej swasta yang berkenaan.
- Tempoh kursus sekurang-kurangnya 6 bulan.
- Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran teknikal tertentu untuk memasuki pasaran buruh atau meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk dalam kategori ini adalah sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti atau badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf.

Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)

- Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma (HND)* bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4).
- Contohnya, Diploma atau Diploma Lanjutan atau *Higher National Diploma (HND)* bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), *Advanced Technology Training Centre (ADTEC)*, *State Skill Development Centre* (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.

Diploma Kolej/ Politeknik/ Universiti atau yang setaraf

- Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf.
- Contohnya, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.

Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sijil Pasca Ijazah atau daripada badan profesional/ Sarjana

a) Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Lanjutan setaraf dengannya yang diperoleh dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.
b) Diploma lanjutan, Diploma Sebaran Am dan Diploma Seni Lukis & Seni Reka dari UiTM adalah setaraf dengan ijazah.
   - Diploma/ sijil pasca ijazah ialah Diploma Perguruan Lepasan Ijazah;

- Diploma/ sijil dari badan profesional ialah *Association of Chartered Certified Accountants* daripada ACCA.

c) Sarjana merujuk kepada ijazah sarjana yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

Doktor Falsafah (PhD)

- Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

3.18 Ruangan 17 – Institut Pengajian (IP)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui nama institusi pengajian yang dihadiri AIR. Institusi pengajian merujuk kepada nama institusi di mana AIR mendapat pendidikan dan memperoleh sijil/ diploma/ ijazah tertinggi.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut nama institusi. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit. Kod bagi setiap nama institusi dirujuk pada Buku Kod.

Nota:

Bagi mereka yang memiliki sijil/ diploma/ ijazah dan ke atas.

3.19 Ruangan 18 – Bidang Pengajian (FS)

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui bidang pengajian utama AIR bagi sijil tertinggi yang diperoleh.

Tuliskan kod pada petak yang berkenaan mengikut peringkat sijil/ diploma/ ijazah tertinggi. Kod bagi soalan ini adalah tiga (3) digit. Kod serta keterangan dan definisi bagi setiap sijil/ diploma/ ijazah tertinggi boleh dirujuk pada Buku Kod.

Literasi dan Numerasi - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Literasi dan numerasi** maka isikan Kod **“080”.**

Latihan Perguruan dan Sains Pendidikan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Latihan perguruan untuk guru prasekolah,** maka isikan Kod **"143".**

Kesenian - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Muzik dan persembahan kesenian,** maka isikan Kod **"212"**.

Kewartawanan dan Maklumat - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Kewartawanan dan pelaporan**, maka isikan Kod **"321"**.

Matematik dan Statistik - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Statistik**, maka isikan Kod **"462"**.

Kejuruteraan dan Kejuruteraan Perdagangan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Mekanik dan kerja logam**, maka isikan Kod **"521"**.

Pertanian, Perhutanan dan Perikanan - Bidang pengajian ini termasuk **Veterinar.** Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah Veterinar, maka isikan Kod **"641".**

Kesihatan - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Terapi dan pemulihan**, maka isikan Kod **"726"**.

Perkhidmatan Personel - Contohnya, bagi pengisian bidang pengajian utama yang diperoleh ialah **Sukan**, maka isikan Kod **"813"**.

3.20 Ruangan 19 – Status Pekerjaan (SP)

3.20.1 Takrifan Bekerja

Bekerja untuk upah atau keuntungan atau bekerja tanpa gaji di ladang atau perniagaan milik keluarga.

a) Bekerja untuk upah

i. Bekerja untuk mendapat upah **tunai** atau gaji sama ada dibayar mengikut komisyen atau 'tip';
ii. Bekerja untuk upah bukan tunai atau upah dalam bentuk **'mata benda'** seperti tempat tinggal, makanan atau barangan runcit.

b) Bekerja untuk keuntungan atau bayaran

Bekerja untuk mendapatkan keuntungan atau bayaran walaupun pekerjaan tersebut dilakukan dalam perniagaan, perusahaan atau di ladang-ladang sendiri.

c) Kerja tanpa gaji dalam perniagaan atau di ladang keluarga

3.20.2 Cara untuk merekodkan jawapan bekerja:

Kod 01 - Pekerja kerajaan.

Kod 02 - Pekerja swasta.

Kod 03 - Bekerja sendiri (Berdaftar).

Kod 04 - Bekerja sendiri (Tidak berdaftar).

Kod 05 - Pekerja keluarga.

Kod 06 - Majikan.

Kod 07 - Pesara.

Kod 08 - Menganggur/ Tidak bekerja.

Kod 09 - Suri rumah.

Kod 10 - Pelajar.

3.20.3 Pengelasan bekerja dan tidak bekerja

Anggap sesorang itu sebagai bekerja jika dia bekerja untuk perniagaan keluarga atau ladang keluarga tanpa gaji walaupun dia ada menerima wang saku.

Di samping kerja berupah, terdapat beberapa aktiviti tanpa upah yang boleh dianggap sebagai 'bekerja' **jika dilakukan berhubung dengan pengeluaran barangan dan perkhidmatan**. Contohnya, aktiviti yang dilakukan oleh ahli isi rumah dalam membantu perusahaan, perniagaan atau ladang keluarga dianggap sebagai kerja **walaupun mereka tidak mendapat bayaran secara langsung** atas kerja yang dilakukan.

Seseorang itu dianggap tidak bekerja jika dia bekerja tanpa gaji dalam melakukan tugas yang tidak menyumbang kepada aktiviti ekonomi keluarga seperti melakukan kerja-kerja membasuh dan memasak untuk anak-anak dan memotong rumput dalam kawasan sendiri. Contohnya, jika Fattah menolong ahli keluarga yang lain seperti ibunya (ibu Fattah tidak mengusahakan ladang atau perniagaan tetapi bekerja sebagai pekerja), maka Fattah **tidak dianggap** sebagai bekerja kecuali dengan pertolongan itu pendapatan keluarga bertambah.

Aktiviti-aktiviti yang dianggap sebagai BEKERJA:

a) Pelajar yang menolong ibu bapanya bekerja di gerai atau kedai kopi (milik mereka) seperti membasuh pinggan mangkuk dan melayani pelanggan selepas waktu sekolah;

b) Anak-anak yang menolong ibu bapa mereka menghalau burung di sawah, menjaga tanaman atau menjaga binatang ternakan (sawah/ tanaman/ ternakan milik mereka);

c) Isteri yang menolong suami menuai padi, memetik daun tembakau dan lain-lain (sawah/ ladang milik mereka);

d) Anak-anak yang menolong ibu bapa mereka memberi makan ayam (milik mereka) dan mengutip telur untuk dijual;

e) Seseorang perantis, pelatih atau pelajar praktikal yang diberi elaun bulanan (sama ada tunai atau bukan tunai), dianggap sebagai bekerja kerana beliau menyumbang kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan di pertubuhan di mana beliau bekerja;

f) Seorang tentera yang akan berpencen tetapi sedang mengikuti kursus persediaan persaraan;

g) Seseorang yang bekerja secara sukarela dan menerima bayaran sama ada secara tunai (seperti elaun, bounti/ sagu hati) dan bukan tunai (seperti makanan, pakaian, pengangkutan dan lain-lain) secara berkala; dan

h) Seseorang yang memberikan perkhidmatan sosial kepada badan-badan politik serta menerima elaun sahaja (Contoh: Ketua Bahagian parti politik).

Aktiviti-aktiviti yang dianggap sebagai TIDAK BEKERJA:

a) Memasak, membasuh dan membuat kerja-kerja rumah seperti yang dilakukan oleh seorang suri rumah untuk ahli keluarganya;

b) Melabur dalam perniagaan atau ladang tetapi tidak menyumbang bahagian sama ada dari segi pengurusan atau operasi perniagaan. Contoh: tuan tanah, pemegang saham dan ‘rakan kongsi tidak aktif’;

c) Jururawat pelatih, guru pelatih, latihan industri atau *on-the-job training*, yang menerima elaun bulanan semasa bertugas, dianggap sebagai ‘pelajar’ iaitu tidak bekerja kerana mereka tidak lagi dilantik sebagai pekerja sebelum menjalani latihan dan tiada jaminan yang tertentu (*indefinite*) untuk mendapat pekerjaan pada akhir tempoh latihan;

d) Seseorang yang hanya mengutip sewa rumah dari rumah sewanya pada setiap bulan (pemilik rumah sewa);

e) Seseorang perantis, pelatih atau pelajar praktikal yang tidak menerima bayaran sama ada secara tunai (seperti elaun, bounti/ sagu hati) dan bukan tunai (seperti makanan, pakaian, pengangkutan dan lain-lain); dan

f) Seseorang yang bekerja sebagai sukarelawan yang tidak menerima bayaran sama ada secara tunai (seperti elaun, bounti/ sagu hati) dan bukan tunai (seperti makanan, pakaian, pengangkutan dan lain-lain).

3.20.4 Arahan kepada penemu ramah

Sekiranya jawapan responden kepada soalan **bekerja** adalah **TIDAK,** penemu ramah hendaklah **menerangkan kepada responden makna BEKERJA yang digunakan** dalam survei ini dan tanyakan soalan taraf pekerjaan sekali lagi.

Penentuan 'bekerja' atau 'tidak bekerja' atas pertolongan daripada anak-anak adalah ditentukan oleh responden sendiri. Ini tertakluk kepada sama ada pertolongan tersebut boleh menambahkan pendapatan keluarga atau tidak.

Jika responden menjawab **Ya,** terus ke soalan Pekerjaan dan Industri.

3.21 Ruangan 20 – Pekerjaan (PK)

Jawapan kepada soalan ini memerlukan penerangan terperinci mengenai jenis kerja atau tugas yang dilakukan oleh seseorang. Nama jawatan seseorang itu kadangkala tidak menerangkan tugasnya dengan jelas. Oleh itu, jawapan yang dicatatkan hendaklah memberi keterangan yang lengkap bagi membolehkan pengelasan pekerjaan tertentu dibuat. **Pada kebiasaannya, penerangan ringkas mengenai apakah yang dibuat atau apakah alat yang digunakan oleh seseorang adalah mencukupi.**

Sesetengah jenis pekerjaan hanya terdapat di sesebuah organisasi, manakala sesetengah jenis pekerjaan terdapat di pelbagai jenis organisasi seperti kerani, jurutaip dan pegawai tadbir. Perkara yang paling penting di sini ialah untuk **menentukan jenis-jenis pekerjaan dengan tepat**.

Seseorang responden kadangkala melakukan lebih daripada satu jenis pekerjaan. Dalam hal ini, pekerjaan utamanya hendaklah ditentukan oleh kerja yang menggunakan **sebahagian besar daripada masanya**. Catatkan pekerjaan ini bagi responden berkenaan. Suri rumah yang bekerja secara sambilan walaupun menghabiskan sebahagian besar daripada masanya membuat kerja rumah, mestilah dikodkan bekerja iaitu mengambil kira kerja sambilannya itu. Begitu juga dengan pelajar yang membuat kerja sambilan, pekerjaan utamanya ialah kerja sambilannya itu.

Anggota tentera dikodkan di bawah **Kumpulan 5: Pekerja Perkhidmatan dan Jualan** iaitu **541601: Angkatan Tentera**. Bagi pegawai bertauliah tentera darat, laut dan udara serta pekerjaan profesional dan sokongan dalam angkatan tentera seperti doktor, jururawat, pramugari, tukang kebun, tukang masak dan sebagainya dikodkan mengikut keterangan tugas (*job description*) bagi pekerjaan tersebut.

Pemilik yang bekerja dikelaskan mengikut aktiviti mereka. Seorang pemilik kedai yang menghabiskan sebahagian besar masanya di kaunter (sebagai juruwang) dan membantu pelanggan sepatutnya dikelaskan di bawah kumpulan sub utama MASCO 2020: Pekerja Jualan. Tetapi jika aktivitinya terdiri daripada mengurus sumber, kewangan dan kakitangan kedai, beliau sepatutnya dikelaskan di bawah kumpulan sub utama MASCO 2020: Pengurus Perkhidmatan Runcit.

3.22 Ruangan 21 – Industri (ID)

3.22.1 Nyatakan aktiviti majikan secara umum dan spesifik

Perniagaan atau perusahaan mestilah **bersesuaian** dengan

pekerjaan yang dilaporkan bagi seseorang. Bagi syarikat yang mempunyai anak syarikat, nyatakan tempat di mana seseorang itu menjalankan perusahaannya (bekerja).

Untuk mendapatkan keterangan yang jelas dan tepat mengenai perusahaan, adalah penting dinyatakan aktivitinya secara umum dan spesifik. Bagi majikan, contoh keterangan adalah dalam bentuk 'perusahaan kebun kelapa', 'perusahaan melombong bijih', 'perniagaan barang keperluan dapur secara borong', 'kedai buku/ runcit' dan 'pembinaan jalan raya'. Penerangan yang diberikan ini adalah secara am. Perkataan perusahaan kebun, melombong, perniagaan borong/ runcit dan pembinaan menunjukkan aktiviti yang umum. Perkataan kelapa, bijih, barang keperluan dapur, kedai buku dan jalan raya pula memberi keterangan lanjut berkenaan dengan jenis perusahaan.

Elakkan daripada menggunakan perkataan 'Syarikat' kerana ianya tidak memberi apa-apa maklumat yang berguna. Sekiranya responden menyatakan ia bekerja dengan syarikat perabot besi, tanyakan:

"Adakah syarikat ini membuat perabot atau menjualnya", jika menjual, tanyakan:

"Adakah mereka menjual kepada stor-stor lain (mungkin secara borong atau runcit) atau kepada individu (secara runcit)?"

Cara begini boleh menentukan jenis perusahaan membuat perabot daripada besi, perniagan perabot secara borong atau menjual perabot secara runcit.

3.22.2 Bagaimana cara mencatatkan agensi kerajaan

Kebiasaannya nama agensi kerajaan sudah mencukupi untuk menerangkan aktivitinya. Contohnya, Kastam Diraja Malaysia, Mahkamah Tinggi Persekutuan dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Walau bagaimanapun, kadangkala nama agensi sahaja tidak mencukupi untuk memberi penerangan berkenaan dengan aktivitinya.

Sekiranya keterangan aktiviti agensi di mana seseorang pekerja kerajaan itu bertugas tidak jelas, tanyakan bahagian atau unit (tempat) beliau bertugas. Bagi buruh kasar yang bertugas di jabatan kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR),

Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan, catatan yang betul hendaklah memperlihatkan dengan jelas jenis pekerjaan yang dibuat oleh pekerja tersebut atau namakan seksyen atau unit di mana dia bertugas. Contoh catatan yang betul adalah seperti berikut: JKR (jalan), JKR (bangunan), Majlis Perbandaran (sampah) dan Majlis Perbandaran (landskap).

3.22.3 Firma yang membuat lebih daripada satu jenis perniagaan

Sesetengah firma terlibat dalam membuat lebih daripada satu jenis perniagaan atau perusahaan. Sekiranya aktiviti tersebut dijalankan di **tempat yang berasingan**, catatkan perniagaan dimana seseorang pekerja itu bertugas.

Contohnya, anda hendaklah melaporkan seorang pelombong yang bekerja di sebuah lombong bijih kepunyaan syarikat pembuat 'kepingan timah' sebagai bekerja dalam perusahaan melombong bijih dan **bukan** dalam perusahaan membuat 'kepingan timah'.

Sekiranya perusahaan ini dilakukan **di tempat yang sama**, terangkan jenis aktiviti utama daripada pertubuhan tersebut.

Contoh:

a) Sebuah kilang kasut mempunyai stor di dalam kilang itu dan di stor ini kasut kasut yang kurang mutunya dijual secara runcit dengan harga murah. Wakil penjual di stor ini hendaklah dilaporkan sebagai bertugas dalam 'kilang membuat kasut' kerana stor itu hanya aktiviti kedua bagi kilang tersebut.

b) Seorang pesawah padi mempunyai warung di tepi jalan di mana dia dan keluarganya menjual telur ayam. Laporkan perusahaannya sebagai 'pesawah padi' dan bukannya 'perniagaan makanan secara runcit'.

3.22.4 Perbezaan di antara pembuatan, perniagaan secara borong, perniagaan secara runcit dan perkhidmatan

Anda perlu mengetahui dan dapat membezakan di antara pembuatan, perniagaan secara borong, perniagaan secara runcit dan perkhidmatan.

Sebuah kilang yang menjual hasil keluarannya kepada pengilang-pengilang atau pemborong-pemborong yang lain hendaklah dilaporkan sebagai **syarikat pembuatan** dan bukannya syarikat perniagaan. **Syarikat pemborong** biasanya membeli barang-barang pengeluaran dengan kuantiti yang banyak dan menjualkannya kepada peniaga-peniaga runcit, untuk kegunaan perusahaan lain atau pemborong lain.

Peniaga runcit biasanya menjual barang-barang kepada orang ramai atau pengguna dan jarang menghasilkan barang jualannya.

Pertubuhan yang memberi perkhidmatan seperti rumah tumpangan, kedai dobi, agensi pengiklanan, bengkel membaiki kereta, *cybercafe* dan pakar runding yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai atau pertubuhan.

3.22.5 Pejabat penjualan pengilang

Satu jenis pertubuhan yang anda perlu berhati-hati apabila melaporkannya ialah pejabat penjualan yang telah ditubuhkan oleh kilang di tempat berjauhan dari kilang itu atau dari ibu pejabatnya. Contohnya, kilang kasut BATA yang menubuhkan pejabat penjualan kasut di bandar lain, mereka yang bekerja di sini hendaklah dinyatakan sebagai bertugas dalam 'pejabat jualan bagi kilang kasut'.

3.22.6 Perniagaan atau perusahaan dalam rumah sendiri

Sesetengah individu mungkin menjalankan perusahaan, perniagaan atau perkhidmatan tertentu di rumah sendiri. Cara melaporkan jenis perusahaannya adalah sama dengan cara seperti perniagaan atau perusahaan lain. Contohnya, kedai jahit, membuat tenunan kain songket, kedai membuat kabinet, membuat tempahan *cupcake*, kedai membaiki radio dan lain-lain lagi.

3.22.7 Orang yang tidak bekerja di suatu tempat yang tertentu

Sesetengah individu menjalankan tugas tidak 'di tempat yang tetap' seperti stor, kilang atau pejabat. Dalam kes ini, laporkan jenis organisasi di mana mereka bekerja.

Contoh:

a) Mereka yang bekerja sebagai penjual buku dari rumah ke rumah atau pejabat, jenis perusahaan mereka berkemungkinan ialah syarikat pencetak.
b) Mereka yang bekerja sebagai buruh penyelenggaraan jalan raya, jenis perusahaan mereka berkemungkinan ialah subkontraktor kerja-kerja pembinaan jalan raya.

3.22.8 Pekerja isi rumah persendirian

Bagi individu yang bekerja makan gaji dengan memberi perkhidmatan kepada isi rumah persendirian seperti pembantu rumah, tukang masak, pemandu peribadi dan pengasuh kanak-kanak, nyatakan jenis perusahaan sebagai aktiviti isi rumah sebagai majikan.

Walau bagaimanapun, **ia tidak termasuk unit bebas** (termasuk individu) yang menyediakan perkhidmatan kepada isi rumah yang dikelaskan mengikut aktiviti utama mereka.

3.23 Ruangan 22 – Pendapatan (IN)

Tanyakan soalan seperti berikut:

"*Berapakah anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber termasuk daripada harta dan pindahan semasa?*"

Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui anggaran jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh Isi Rumah ini daripada pelbagai sumber termasuk daripada harta dan pindahan semasa.

Jumlah pendapatan kasar bulanan yang diterima oleh semua AIR daripada pelbagai sumber dalam bentuk wang tunai seperti contoh berikut:

a) Gaji dan upah;
b) Bonus, tip, bayaran kerja lebih masa;
c) Elaun/imbuhan tunai (contoh; elaun sara hidup, elaun pertanian);
d) Pendapatan daripada harta benda (contoh; royalti, dividen, faedah, bayaran sewa);
e) Pendapatan bersih diterima daripada kerja sendiri;
f) Bantuan tetap yang diterima daripada kerajaan/ swasta/ badan NGO; dan
g) Pindahan semasa yang diterima terdiri daripada kiriman wang dari Isi Rumah lain, nafkah, pencen dan bantuan-bantuan lain yang diterima secara berkala.

Pendapatan **tidak termasuk** mana-mana penerimaan yang diterima secara istimewa, yang mana tidak berulang kali (iaitu tidak berlaku tahun demi tahun atau dalam jangka masa lebih kerap daripada itu). Contohnya, pinjaman, jualan barangan milik sendiri seperti tanah, rumah, kenderaan dan alat kelengkapan lain.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BAB 4

SEKSYEN B: KOMPONEN KEBAHAGIAAN

Pada soal selidik Seksyen B, soalan yang diajukan adalah bagi mengumpul maklumat penting Ahli Isi Rumah mengenai topik-topik seperti komponen keluarga, komponen perumahan dan alam sekitar, komponen penyertaan sosial, komponen kesihatan, komponen kemudahan komunikasi, komponen pendidikan, komponen persekitaran kerja, komponen pendapatan, komponen keselamatan awam, komponen penggunaan masa, komponen kebudayaan, komponen keagamaan dan kerohanian dan komponen emosi pada tempoh rujukan semasa.

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
B1. KOMPONEN KELUARGA		
	Sila nilaikan tahap kebahagiaan anda dari aspek:	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kebahagiaan AIR dari aspek hubungan kekeluargaan AIR dengan keluarganya. 2. Tandakan [X] pada skor antara **1** sehingga **5** **Skor 1: Sangat Tidak Bahagia** **Skor 2: Tidak Bahagia** **Skor 3: Sederhana** **Skor 4: Bahagia** **Skor 5: Sangat Bahagia** 3. Tandakan [X] pada **skor 0** sekiranya petikan tersebut **Tidak Berkaitan** dengan AIR. **Skor 0: Tidak Berkaitan**
a)	**Hubungan kekeluargaan**	
i.	**Hubungan dengan pasangan**	
ii.	**Hubungan dengan ibu bapa**	
iii.	**Hubungan dengan anak-anak**	
iv.	**Hubungan dengan adik-beradik**	

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
b)	**Sila nilaikan tahap kebahagiaan anda dari aspek:** **Kestabilan kewangan keluarga**	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kebahagiaan AIR dari aspek kestabilan kewangan keluarga. 2. Tandakan [X] pada skor antara **1** sehingga **5** **Skor 1: Sangat Tidak Bahagia** **Skor 2: Tidak Bahagia** **Skor 3: Sederhana** **Skor 4: Bahagia** **Skor 5: Sangat bahagia** 3. Tandakan [X] pada **skor 0** sekiranya petikan tersebut **Tidak Berkaitan** dengan AIR. **Skor 0: Tidak Berkaitan**
c)	**Sila nilaikan tahap kebahagiaan anda dari aspek:** **Keselamatan dalam keluarga (Tiada keganasan, penderaan dan salah laku seksual)**	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kebahagiaan AIR dari aspek hubungan keselamatan keluarga. 2. Contohnya, bebas dari keganasan/ penderaan dan salah laku seksual. 3. Tandakan [X] pada skor antara **1** sehingga **5** **Skor 1: Sangat Tidak Bahagia** **Skor 2: Tidak Bahagia** **Skor 3: Sederhana** **Skor 4: Bahagia** **Skor 5: Sangat bahagia** 4. Tandakan [X] pada **skor 0** sekiranya petikan tersebut **Tidak Berkaitan** dengan AIR. **Skor 0: Tidak Berkaitan**

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
B2. KOMPONEN PERUMAHAN DAN ALAM SEKITAR		
a)	**Sila nilaikan tahap kebahagiaan anda dari aspek:** **Kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di persekitaran tempat tinggal anda (Pengangkutan awam, kedai runcit, balai bomba, balai polis, taman rekreasi, taman perumahan, pusat komuniti, sekolah, kemudahan penjagaan kesihatan dan lain-lain)**	1. Tujuan soalan ini diajukan bagi mengetahui tahap kebahagiaan AIR dari aspek kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di persekitaran tempat tinggal AIR. 2. Contohnya, kemudahan pengangkutan awam, kedai runcit, balai bomba, balai polis, taman rekreasi, taman perumahan, pusat komuniti, sekolah, kemudahan penjagaan kesihatan dan lain-lain. 3. Tandakan ☒ pada skor antara **1** sehingga **5** **Skor 1: Sangat Tidak Bahagia** **Skor 2: Tidak Bahagia** **Skor 3: Sederhana** **Skor 4: Bahagia** **Skor 5: Sangat bahagia** 4. Tandakan ☒ pada **skor 0** sekiranya petikan tersebut **Tidak Berkaitan** dengan AIR. **Skor 0: Tidak Berkaitan**

No. Soalan	Soalan/ Kod	Arahan
